

**KAJIAN KES TAHAP PERAPATAN DAN RASA
SELAMAT DALAM KALANGAN KANAK-KANAK
DI SEBUAH PRASEKOLAH**

SYARIFAH RATNA SARI BINTI SYED MOHD ZAIN



**LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN DAN
KERJA KURSUS)**

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan tahap perapatan yang wujud antara guru dengan kanak-kanak di prasekolah dalam aktiviti pembelajaran dan aktiviti bukan pembelajaran. Menggunakan pendekatan kualitatif, data kajian diperolehi daripada analisis rekod naratif, Borang Skema Pemerhatian Perapatan Guru-kanak-kanak (BSPP), dan Rubrik Tahap Perapatan dan Tahap Rasa Selamat (RTP-TRS) yang digubal oleh pengkaji. Kajian ini telah dijalankan di sebuah tadika di Daerah Bidor, melibatkan 41 orang kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dan tiga orang guru. Kesemuanya, sembilan pemerhatian telah dilakukan dan dirakamkan. Dapatkan kajian menunjukkan tahap keakraban guru dengan majority kanak-kanak adalah pada tahap 0 dan 1, yang bermaksud tiada perapatan atau perapatan adalah tidak akrab. Hanya segelintir kanak-kanak yang mempunyai perapatan tahap 2 dan 3, iaitu hubungan ikatan perapatan yang lebih akrab. Menggunakan rubrik RTP-TRS, didapati tahap rasa selamat yang dialami oleh kanak-kanak di prasekolah adalah pada tahap rendah dan tahap tidak bebas. Ini boleh diinterpretasikan sebagai perasaan tidak berautonomi atau tiada keyakinan diri untuk terlibat dalam pembelajaran di prasekolah. Dapatkan ini memberi implikasi yang besar bukan sahaja kepada guru dan pihak-pihak pemegang taruh di prasekolah ini, tetapi juga kepada pendidikan prasekolah lain di Malaysia.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**A CASE STUDY OF LEVEL OF ATTACHMENT AND FEELING OF SECURITY
AMONGST CHILDREN IN A PRESCHOOL**

ABSTRACT

The aim of the study was to determine the level of attachment and bonding between teachers and children during learning and routine activities in a preschool. Utilizing the qualitative approach, data was collected using narrative records and observation schedules (BSPP) designed to qualify the attachment behaviours of teachers and children, while the level of feeling of security experienced by children was established using a specially designed rubric called RTP-TRS. The study was conducted at a preschool in the District of Bidor, involving 41 children of 4 to 6 years old and three teachers. All together nine observations were video-recorded. The findings showed that the level of attachment between teachers and the majority of children was only at level 0 and 1, which means there was either no attachment or very minimal attachment. Only a small number of children received attachment ratings of level 2 and 3, which means that these children have a closer bonding with their teachers. Using RTP-TRS, the level of feeling of security experienced by the children was found to be quite low or not secured. This was interpreted as a lack of autonomy and confidence amongst the children to explore and be involved in the learning process in preschool. This research finding is important, not only for the teachers and stakeholders of this preschool, but to others involved in preschool education in Malaysia.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang	6
1.3 Pernyataan masalah	10
1.4 Rasional kajian	12
1.5 Tujuan kajian	15
1.6 Objektif kajian	16
1.7 Soalan kajian	17
1.8 Kerangka konsep kajian	18
1.9 Definisi operasi	20
1.9.1 Hubungan Perapatan	20
1.9.2 Tingkah laku Perapatan Guru dan Kanak-kanak	21
1.9.3 Rasa Selamat	22
1.9.4 Aktiviti Pembelajaran dan bukan Pembelajaran	23
1.10 Kepentingan kajian	24
1.11 Batasan kajian	25
1.12 Rumusan	25
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	27
2.2 Kajian mengenai Perapatan dan Rasa Selamat Kanak-kanak	29
2.3 Tinjauan Teori-teori berkaitan Perapatan dan Rasa Selamat	40
2.3.1 Teori Perapatan Bowlby	40

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2.3.2 Teori Corak Perapatan Ainsworth		45
2.3.3 Perapatan dengan Pelbagai Pihak		48
2.4 Corak Perapatan orang dewasa		52
2.5 Teori Psikososial Erikson		54
2.6 Rumusan		57

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	59
3.2 Rekabentuk kajian	60
3.3 Subjek Kajian Kes	63
3.4 Kaedah Pengumpulan data	64
3.4.1 Kaedah Pemerhatian	64
3.4.2 Kaedah Temubual	68
3.5 Pembinaan Instrumen kajian	69
3.5.1 Borang Skema Pemerhatian Tingkah laku Perapatan Guru-Kanak-kanak (BSPP)	70
3.5.1.1 Kajian Rintis	73
3.5.2 Pembinaan Rubrik Tahap Perapatan Guru-Kanak-kanak dan penentuan Perasaan Selamat	75
3.6 Analisis data	79
3.7 Rumusan	80

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	81
4.2 Latarbelakang tempat kajian	83
4.3 Maklumat mengenai kanak-kanak	85
4.4 Kanak-kanak mengikut jantina	86
4.5 Kanak-kanak mengikut umur	86
4.6 Maklumat mengenai guru	87
4.7 Analisis Perapatan Guru-Kanak-kanak	88
4.7.1 Hasil analisis Perapatan Guru-Kanak-kanak dari Rekod Naratif	89
4.7.1.1 Aktiviti Pembelajaran	90
4.7.1.2 Aktiviti bukan Pembelajaran	109
4.7.1.3 Rumusan Hasil Analisis Perapatan	109

4.7.2 Analisis Tingkah laku Guru-Kanak-kanak menggunakan BSPP	120
4.8 Menentukan Tahap Rasa Selamat kanak-kanak menggunakan Rubrik Tahap Perapatan Guru-Kanak-kanak (RTP-TRS)	126
4.9 Analisis respon guru semasa temubual	127
4.10 Rumusan dapatan kajian	132
 BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	135
5.2 Perbincangan hasil kajian	139
5.3 Implikasi dapatan kajian	149
5.4 Cadangan untuk pertimbangan	153
5.5 Penutup	160
 RUJUKAN	 163
 LAMPIRAN	 167

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Bilangan kanak-kanak	64
3.2 Format nota lapangan	65
3.3 Contoh rekod naratif	66
3.4 Borang Skema Pemerhatian Tingkah Laku Perapatan Guru-Kanak-kanak (BSPP)	74
3.5 Rubrik Tahap Perapatan Guru-Kanak-kanak dan Tahap Rasa Selamat Kanak-kanak (RTP-TRS) di prasekolah	77
4.1 Kawasan tempat tinggal kanak-kanak	85
4.2 Taburan kanak-kanak mengikut jantina	86
4.3 Taburan kanak-kanak mengikut umur	87
4.4 Analisis pemerhatian 1 (video 2)	91
4.5 Rumusan analisis pemerhatian 1	94
4.6 Analisis pemerhatian 2 (video 3)	95
4.7 Rumusan analisis pemerhatian 2	96
4.8 Analisis pemerhatian 3 (video 4)	97
4.9 Rumusan analisis pemerhatian 3	99
4.10 Analisis pemerhatian 4 (video 5)	101
4.11 Rumusan analisis pemerhatian 4	103
4.12 Analisis pemerhatian 5 (video 9)	105
4.13 Rumusan analisis pemerhatian 5	107
4.14 Analisis pemerhatian 6 (video 6)	109
4.15 Rumusan analisis pemerhatian 6	110
4.16 Analisis pemerhatian 7 (video 7)	111
4.17 Rumusan analisis pemerhatian 7	112
4.18 Analisis pemerhatian 8 (video 8)	113
4.19 Rumusan analisis pemerhatian 8	114
4.20 Analisis pemerhatian 9 (video 10)	115
4.21 Rumusan analisis pemerhatian 9	116
4.22 Peratusan Kategori Perapatan kanak-kanak dengan guru	117

4.23	Analisis kekerapan tingkah laku perapatan guru dan kanak-kanak menggunakan BSPP	120
4.24	Rumusan tingkah laku perapatan semasa aktiviti pembelajaran dan aktiviti bukan pembelajaran	122
4.25	Rubrik Tahap Perapatan Guru-Kanak-kanak dan Tahap Rasa Selamat Kanak-kanak (RTP-TRS).	126

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka konsep kajian	19
2.1 Corak perapatan orang dewasa oleh Fraley & Shaver (2000)	53
3.1 Reka bentuk kajian	62
3.2 Rubrik Tahap Perapatan Guru dengan Kanak-kanak Prasekolah	76
4.1 Carta bar Kategori Perapatan Guru dan Kanak-kanak	119
4.2 Rumusan tingkah-laku <i>non-verbal</i> Guru dan Kanak-kanak	124

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Semua kanak-kanak memerlukan keperluan asas untuk hidup seperti makanan, tempat tinggal, rumah untuk berlindung, pakaian, dan juga keperluan-keperluan asas yang lain, terutama kasih sayang dan rasa selamat (Maslow, 1988, dalam McDevitt & Ormrod, 2013, 5th ed.). Dengan memenuhi semua keperluan asas ini, kanak-kanak dapat membina keyakinan diri, keberanian, dan kebebasan meneroka dan menyelesai masalah. Apabila kanak-kanak berasa selamat dalam persekitarannya, mereka belajar mempercayai orang lain. Mereka belajar bersama orang dewasa. Mereka akan lebih berminat untuk belajar dan mencuba dan mereka lebih gembira/ceria, dan mereka membesar dengan sihat dan positif (McDevitt & Ormrod, 2013, 5th ed.).

Menurut Bowlby (1988) cara membina emosi selamat dalam diri kanak-kanak ialah dengan menyayangi mereka, menunjukkan kasih sayang, menyatakan bahawa mereka disayangi melalui ucapan dan gerak geri, memberi perhatian dan sensitif kepada klu yang ditunjukkan oleh kanak-kanak yang ingin sesuatu bantuan dan perhatian. Sebahagian besar daripada apa yang disebut ini dapat dihasilkan melalui hubungan intim dan perapatan di antara orang dewasa dengan kanak-kanak tersebut. Kajian ini akan berfokus kepada perasaan ‘rasa selamat’ dari segi emosi yang dialami oleh kanak-kanak. Rasa selamat ini boleh digambarkan sebagai satu keadaan yang berkaitan dengan perasaan atau emosi dalaman seseorang kanak-kanak terhadap orang lain atau persekitarannya. Perasaan rasa sayang, rasa selamat dan rasa diri dilindungi adalah asas kepada keperluan manusia yang memberi kesan kepada perkembangan psikologi seseorang (Sierra, 2012). Rasa selamat merupakan satu perasaan yang timbul apabila berlaku penerimaan dan kepercayaan kepada individu yang lain. Rasa selamat boleh terbentuk dalam diri seseorang apabila berlaku perapatan (*attachment*) dan ikatan kasih sayang (*bonding*) dengan orang yang dipercayai.

Terdapat 10 perkara yang membuatkan kanak-kanak berasa selamat dari segi emosi, iaitu (i) keperluan asasnya dipenuhi, (ii) merasa selamat dan yakin kerana ada tempat untuk bergantung atau berlindung, (iii) merasa disayangi dan dipunyai, (iv) sentiasa mendapat galakan pujian, (v) senyuman daripada orang-orang disekeliling, (vi) ada tempat berbual dan bercakap, (vii) ada orang sudi mendengar, (viii) mendapat galakan untuk belajar perkara baru, (xi) ada orang yang mengambil berat perasaannya, dan (x) diberi penghormatan dan ganjaran (Levin & Carlsson-Paige, 2013).

Perasaan rasa selamat dapat dirasai oleh setiap orang termasuklah bayi, kanak-kanak, remaja dan golongan dewasa. Menurut Bowlby (dalam Bee & Boyd, 2004), perasaan rasa selamat mula dirasai oleh bayi seawal kelahiran apabila berada dalam pelukan/dakapan ibunya. Perasaan ini semakin berkembang apabila bayi meningkat usia dan ia dapat dilihat melalui perapatan yang terbina di antara ibu dan anak. Mengikut Bowlby lagi, terdapat tiga fasa perapatan ibu dan bayi, iaitu fasa 1: orientasi tiada fokus; fasa 2: fokus kepada satu atau lebih; dan fasa 3: tingkah laku rasa selamat. Menurut Bee & Boyd (2004) lagi, perasaan selamat berbeza-beza bagi setiap peringkat umur. Bagi orang dewasa, rasa selamat mungkin ditakrifkan dari segi kestabilan kewangan, kerjaya dan keluarga. Bagi remaja, rasa selamat diterjemahkan dari segi kebebasan membuat keputusan dan berkaitan identiti. Manakala bagi kanak-kanak, rasa selamat adalah disebabkan adanya penerimaan, kepercayaan, autonomi, kasih sayang dan kebebasan berdikari (*independent*) yang diberikan oleh ibu bapa atau penjaganya. Atas dasar itu, wujudlah persepsi bahawa adanya *internal working model* dalam diri kanak-kanak (Bowlby, 1980 dalam Bretherton, 1990; Collins & Read, 1994; Pietromonaco & Barrett, 2000; Johnson, Dweck & Chen, 2007) – yang menerangkan bahawa ibu bapa atau penjaga adalah ‘tempat selamat’ (*secure base*) untuk kanak-kanak mendapat perlindungan, sebagai tempat bergantung dan untuk mendapatkan kasih sayang dan keperluan asas.

Kanak-kanak merasa selamat apabila berada dekat dengan orang yang di sayangi dan dipercayainya. Apabila kanak-kanak merasa selamat, mereka tidak takut untuk melakukan aktiviti-aktiviti seperti bermain, memberi pendapat, bersosial dan berinteraksi

dengan kanak-kanak lain yang kemudiannya akan membentuk personaliti yang positif dalam diri mereka. Menurut Erikson (1968, dalam Kamarulzaman, 2011), pengaruh sosial dan budaya akan menentukan pembentukan personaliti seseorang pada masa hadapan. Erikson menyatakan seseorang itu mempunyai lapan peringkat perkembangan dalam kehidupannya. Setiap peringkat dipengaruhi oleh dua faktor yang bertentangan berdasarkan layanan dan pengalaman yang diterimanya. Kejayaan di dalam sesuatu peringkat membolehkan seseorang itu mencapai kejayaan di peringkat yang berikutnya. Demikian juga bagi kanak-kanak; jika ia berjaya mencapai keperluan asasnya di peringkat bayi, misalnya ia mendapat kasih sayang, kemesraan dan layanan baik daripada ibu bapa atau penjaganya, ia berkemungkinan akan berjaya pada peringkat seterusnya iaitu pada usia kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua (Kamarulzaman, 2011).

Keadaan emosi selamat ini amat ditekankan dalam Islam, terutamanya dalam kaedah pendidikan awal kanak-kanak. Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa didikan untuk kanak-kanak yang baru lahir hingga enam tahun (*mumayyiz*) hendaklah melalui kasih sayang sepenuhnya, memanjakan, mengasihi dan menghargai kanak-kanak dengan kasih sayang yang tidak berbatas. Rasulullah saw bersabda: “Orang yang paling baik di antara kamu adalah yang paling penyayang kepada keluarganya.” Rasulullah mengajarkan untuk mengungkapkan kasih sayang tidak hanya secara verbal, tetapi juga dengan perbuatan seperti dinyatakan dalam kandungan kurikulum pelaksanaan program latihan guru prasekolah swasta dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Kanak-kanak yang diberi sepenuh kasih sayang akan lebih dekat dengan ibu bapa atau penjaga mereka dan menganggap mereka sebagai tempat rujukan yang terbaik.

Kanak-kanak akan merasa aman dan selamat dalam meniti usia kecil mereka dengan lebih yakin dan berani kerana mereka tahu yang ibu bapa atau penjaga selalu berada disisi mereka setiap masa.

Ahli falsafah Islam terkemuka, Ibnu Khaldun menurut catatan dalam buku kurikulum pelaksanaan program latihan guru prasekolah swasta dan jabatan perpaduan negara dan integrasi nasional (JPNIN), kanak-kanak harus dibentuk dengan penuh kasih sayang, lemah-lembut dan bertimbang rasa, bukannya dengan cara kekerasan, kerana ini boleh menyebabkan mereka menjadi malas, pembohong, berlagak untuk menyembunyikan yang benar, membuat tipu helah dan tidak berperikemanusiaan. Manakala imam Al-Ghazali (dalam Azizah 2002) mementingkan unsur ganjaran kepada kanak-kanak. Beliau menyatakan bahawa apabila kanak-kanak menunjukkan budi pekerti yang baik, mereka harus diberi ganjaran yang dapat menggembirakan mereka. Dengan pelbagai pandangan daripada tokoh falsafah dan penyelidikan-penyeleidikan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, maka adalah wajar jika dikatakan bahawa perasaan selamat adalah penting dibina dalam diri kanak-kanak supaya mereka merasa yakin diri dan berani untuk meneroka dan mengambil risiko dalam kehidupan mahupun pembelajaran. Berikut diberikan sedikit latar belakang bagi kajian ini.

1.2 Latar belakang Kajian

Ibu bapa merupakan orang yang paling hampir dengan kanak-kanak dalam memberi sepenuh kasih sayang kepada anak-anak mereka. Kasih sayang yang ditunjukkan seperti mencium, mendakap, bercakap dengan lembut, menunjukkan memek muka yang gembira dan sebagainya membentuk rasa selamat dari segi emosi dalam diri kanak-kanak. Hubungan erat yang terbina antara ibu bapa dengan anak-anak dapat dikekalkan melalui naluri tingkah laku yang wujud di antara ibu bapa dengan anaknya (Bee & Boyd, 2004). Dengan demikian, kanak-kanak akan berasa disayangi dan dipercaya dan ibu bapa mereka merupakan tempat yang selamat untuk bergantung, merengek, berkongsi perasaan dan apabila berada dalam kesusahan. Biasanya ibu bapa membentuk ikatan kasih sayang (*affectional bond*) dengan anak-anaknya manakala kanak-kanak pula menunjukkan perapatan dengan ibu bapanya. Ini kerana ibu bapa tidak merasa memerlukan perasaan selamat apabila bersama anaknya tetapi bagi kanak-kanak, mereka lah yang memerlukan perasaan rasa selamat ini apabila berada dalam sesuatu situasi atau suasana yang baru atau ‘*strange*’ baginya (Bee & Boyd, 2004).

Di prasekolah, guru boleh dianggap sebagai pengganti ibu bapa. Mereka adalah ‘tempat selamat’ bagi kanak-kanak. Oleh kerana kanak-kanak perlu menghabiskan banyak masanya di prasekolah untuk belajar, maka guru adalah tempat mereka menaruh kepercayaan bagi membantu dan memberi perhatian kepada semua keperluannya. Seperti bersama ibu bapa, mereka memerlukan kasih sayang dan kemesraan daripada guru untuk membina rasa yakin dan berani menempuh cabaran pembelajaran di prasekolah.

Kemesraan dan kasih sayang yang diterima daripada guru akan membina hubungan rapat dan intim, sehingga melahirkan ‘rasa selamat’ berada di prasekolah.

Kebanyakan penyelidik bersetuju bahawa perapatan yang terbentuk dalam kalangan kanak-kanak salah satunya adalah dengan guru mereka (Goossens & Ijzendoorn, 1990 dan Van Ijzendoorn, Sagi & Lamberman, 1992, dalam Mitchell-Copeland, Denham & DeMulder, 1997). Apabila kanak-kanak terasa disayangi oleh guru, kanak-kanak akan menganggap guru sebagai tempat selamat, mereka akan berjumpa guru jika bermasalah atau tertekan. Kanak-kanak akan menganggap guru mereka sebagai ‘tempat selamat’, apabila guru mereka menjaga mereka dengan rapi dan penuh kasih sayang (Demulder, et al., 2000, dalam Cugmas, 2007). Penyelidik-penyalidik terdahulu percaya bahawa hubungan guru dengan kanak-kanak yang selamat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak sama seperti mana perapatan selamat antara ibu bapa dengan kanak-kanak (Beyazkurk & Kesner, 2005).

Bowlby, pengasas teori perapatan percaya bahawa pengalaman mendapat hubungan yang selamat di rumah dapat membantu kanak-kanak untuk menganggap guru mereka sebagai ‘tempat selamat’ ketika berada di prasekolah (Cugmas, 2007). Namun demikian, dalam kajian terdahulu Cugmas (2004) menyatakan terdapat juga kanak-kanak yang tidak mendapat perapatan yang selamat di rumah tetapi dapat membina perapatan dengan guru dan merasa selamat di sekolah. Kualiti perapatan antara kanak-kanak dengan guru didapati tidak dipengaruhi oleh perapatan antara kanak-kanak dengan ibu bapa atau penjaganya (Cugmas, 2004). Ini menunjukkan bahawa guru mempunyai inisiatif untuk

membentuk perapatan dengan kanak-kanak, walaupun yang tidak mempunyai perapatan yang baik di rumah. Malah terdapat kajian yang dijalankan menyatakan, perapatan kanak-kanak dengan guru lebih tinggi berbanding dengan ibu bapa mereka (Bergin & Bergin, 2009).

Teori perapatan menganggap seseorang yang tidak mendapat perapatan selamat akan memberi kesan kepada jalinan hubungannya pada masa hadapan dan dalam aspek kehidupan yang lain (Acer & Akgun, 2010). Perapatan yang selamat antara guru dengan kanak-kanak memberi kesan kepada perkembangan emosi kanak-kanak. Selain itu, perapatan yang terbina juga meningkatkan kebolehan sosial kanak-kanak, membuatkan mereka mampu menerima cabaran, selain mengurangkan tingkah laku langsang dan kurang tumpuan (*attention deficits and hyperactivity*) (*ADHD*), dan lain-lain tingkah laku tidak bermoral (Bergin & Bergin, 2009). Sebaliknya, kanak-kanak yang mempunyai perapatan positif, lebih berjaya dalam akademik, dan dalam aktiviti-aktiviti lain di sekolah. Menurut Bergin & Bergin (2009), guru adalah penentu kepada kejayaan kanak-kanak di sekolah apabila guru mengambil berat tentang keperluaan kanak-kanak seperti bermesra, menghormati dan percaya kepada mereka. Guru akan lebih mudah untuk membentuk perapatan dengan kanak-kanak, khususnya kanak-kanak prasekolah dengan meluangkan masa untuk bersama-sama dalam aktiviti- aktiviti yang membabitkan kanak-kanak.

Oleh kerana kanak-kanak prasekolah adalah masih muda dan berumur dari 4 hingga 6 tahun, mereka ini masih memerlukan tempat selamat untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran di prasekolah. Orang yang mereka harap dapat memberi kasih sayang tersebut ialah guru-guru mereka. Maka adalah penting guru memahami keperluan untuk membina hubungan rapat dan intim dengan kanak-kanak supaya membolehkan mereka merasa selamat semasa berada di prasekolah. Hubungan perapatan dan kasih sayang ini akan menjamin kanak-kanak dapat belajar dengan penuh perhatian, rasa gembira dan ceria, dan yakin diri. Kajian ini meneroka isu ini di sebuah prasekolah yang berteraskan pendidikan Islam. Penelitian terperinci diberikan kepada aspek hubungan guru dan kanak-kanak semasa proses pembelajaran di dalam kelas dan semasa aktiviti-aktiviti lain di luar kelas – tumpuan diberikan untuk meneliti sekiranya wujud hubungan intim dan perapatan di antara guru dan kanak-kanak yang boleh mewujudkan ‘rasa selamat’ dari segi emosi kanak-kanak. Kajian ini mengemukakan andaian, bahawa sekiranya wujud perapatan di antara guru dan kanak-kanak, maka akan wujudlah rasa selamat dalam diri kanak-kanak – mereka akan merasa selamat untuk mencuba, meneroka, bertanya dan merespons semasa pembelajaran didalam kelas ataupun aktiviti-aktiviti lain diluar kelas. Penyelidik menganggap kajian ini adalah satu penerokaan awal dalam isu ini di prasekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Setiap kali sesi persekolahan bermula dan apabila kanak-kanak 4-6 tahun mula memasuki prasekolah, kita kerap membaca di dalam akhbar-akhbar bahawa ada kanak-kanak yang menangis atau membuat masalah kerana tidak mahu berpisah dengan ibu bapa atau penjaga mereka (BH online, 1/1/2013). Sepanjang 4 hingga 5 tahun mereka bersama ibu bapa dan ahli keluarga, terutama yang tidak pernah pergi ke taska, tentulah mereka merasa tidak selesa dan takut untuk bersama dengan orang-orang yang tidak dikenali di prasekolah. Perasaan ini dinamakan '*stranger's anxiety*', iaitu rasa takut apabila ditinggalkan bersama orang-orang yang tidak dikenali. Keadaan ini berlaku disebabkan anak hanya mengenali dan mempercayai ibu bapanya atau orang-orang yang rapat dengannya. Guru merupakan orang asing bagi mereka dan persekitaran juga berbeza dari apa yang mereka kenali dirumah. Maka, mereka perlukan sedikit masa untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru di prasekolah dan bersama dengan guru.

Sebagai guru, bagaimakah mereka membantu kanak-kanak menyesuaikan diri dan menjadi 'pengganti ibu bapa sementara' kepada kanak-kanak ini? Untuk dapat mewujudkan rasa selesa dalam diri kanak-kanak, sudah pastilah guru perlu bersifat penyayang dan melayan dan memenuhi keperluan kanak-kanak sepertimana yang dilakukan oleh ibu bapa kanak-kanak. Guru perlulah menunjukkan kasih sayang dan membina hubungan rapat dengan kanak-kanak supaya timbul rasa selamat dalam diri mereka. Guru hendaklah sensitif kepada keperluan kanak-kanak dan dapat membaca klu

dari kanak-kanak jika mereka memerlukan perhatian guru. Dengan cara ini, maka guru dapat menggantikan buat sementara waktu peranan ibu bapa kepada kanak-kanak semasa mereka berada di prasekolah. Peranan ini adalah penting untuk membentuk rasa yakin dan berani dalam diri kanak-kanak semasa belajar, dan prasekolah adalah ‘tempat selamat’ yang membahagiakan kepada kanak-kanak. Dalam keadaan yang selesa dan selamat begini, maka sudah pastilah pembelajaran boleh berlaku dengan baik dan berjaya (Bergin & Bergin, 2009).

Bertitiktolak daripada masalah ini, maka kajian ini dilakukan. Walaupun kanak-kanak yang dikaji telah memasuki prasekolah lebih daripada enam bulan (kajian ini mula dijalankan pada bulan Jun dan Julai 2013), tetapi penyelidik sangat berminat untuk mengetahui sejauhmana kanak-kanak merasa selamat dari segi emosi dan yakin belajar di prasekolah. Dapatkah guru prasekolah memberikan perhatian dan kasih sayang seperti yang mereka terima di rumah? Adakah guru prasekolah sensitif dan memahami keadaan emosi dan rasa selamat yang dialami oleh kanak-kanak 4-6 tahun yang mengikuti pembelajaran di prasekolah? Dengan kata lain, sejauhmanakah wujud perapatan dan hubungan intim di antara guru dengan kanak-kanak di prasekolah? Adakah kanak-kanak telah mempunyai rasa selamat dan menjadikan guru sebagai tempat selamat untuk mereka menerokai pembelajaran dengan aktif dan yakin?

Inilah persoalan dan permasalahan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini yang ingin dicari jawapannya oleh pengkaji. Oleh kerana kajian dalam aspek ini masih belum banyak dijalankan di Malaysia, maka bolehlah dianggapkan bahawa kajian ini adalah satu

penerokaan awal bagi mengetahui sekiranya wujud perapatan dan hubungan intim di antara guru dan kanak-kanak prasekolah yang memberi kesan kepada suasana rasa selamat dan yakin diri yang mereka alami semasa berada di prasekolah.

1.4 Rasional Kajian

Masalah yang pengkaji nampak di sini ialah kebanyakan guru terlalu menekankan pencapaian akademik tanpa mempedulikan perasaan dan emosi kanak-kanak. Sedangkan kejayaan kanak-kanak di sekolah berkait rapat dengan kesejahteraan emosi kanak-kanak. Kesejahteraan emosi merupakan faktor kejayaan bagi kanak-kanak di sekolah dan perapatan merupakan jalan untuk mendapatkan kesejahteraan emosi kanak-kanak (Bergin & Bergin, 2009). Kanak-kanak menggunakan perapatan sebagai rasa selamat untuk menerokai dunianya (Bergin & Bergin, 2009). Menurut Imam Al-Ghazali (dalam Azizah 2002), guru atau pengasuh hendaklah melahirkan kasih sayang kepada kanak-kanak seperti mengasihi anak sendiri. Kebanyakan guru kurang mengasihi kanak-kanak prasekolah seperti anak sendiri. Adakah kerana personaliti guru itu sendiri atau guru terikat untuk melaksanakan modul dan rancangan pengajaran yang padat menyebabkan emosi kanak-kanak berasa tertekan dan terganggu. Demikian juga, guru terlalu sibuk dan tidak mampu meluangkan masa yang berkualiti dengan kanak-kanak menyebabkan mereka tidak berjaya membentuk ikatan kasih sayang yang intim dan menghasilkan perasaan selamat dalam diri kanak-kanak semasa di prasekolah. Guru hanya dianggap

sebagai orang berautoriti dan perlu dipatuhi. Kanak-kanak juga sudah dipanggil sebagai murid atau pelajar – menandakan hubungan yang formal antara seorang guru dan murid atau pelajarnya. Hubungan ini tidak boleh dianggap sebagai hubungan selamat bagi kanak-kanak prasekolah yang masih muda.

Mengenai konsep rasa selamat ini, pengkaji mendapati masih belum banyak kajian yang pernah dilakukan, terutamanya di Malaysia untuk dirujuk. Tambahan lagi, kajian tentang rasa selamat yang mengaitkan perapatan dan hubungan intim guru dengan kanak-kanak masih sangat kerap dan belum ditemui dalam literatur. Di luar Negara juga, kajian tentang perapatan antara ibubapa dengan kanak-kanak telah banyak dijalankan. Menurut Mitchell-Copeland, Denham, & DeMulder (1997), kajian tentang perapatan antara ibubapa dengan kanak-kanak telah banyak dijalankan berbanding kajian perapatan antara kanak-kanak dengan guru dan orang lain dalam persekitaran mereka. Pada pandangan pengkaji, kajian seperti ini adalah penting untuk mengetahui tahap rasa selamat kanak-kanak di prasekolah kerana pada masa ini kanak-kanak mula mengenal dunia baru dan belajar untuk menyesuaikan diri dalam situasi baru. Perasaan selamat berada bersama guru akan memberi kesan jangka panjang kepada kejayaan dalam persekolahan dan seterusnya dalam kehidupannya kelak, maka pemahaman mendalam tentang perapatan guru yang membentuk rasa selamat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan bagaimana guru merespons kepada kanak-kanak sangat penting dikaji secara mendalam.

Oleh yang demikian, adalah wajar kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti bagaimana keadaan atau perasaan selamat terbentuk di prasekolah dan bagaimana respons guru dapat membina perasaan selamat ini dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini akan membantu guru untuk memahami samada wujud perapatan antara guru dan kanak-kanak yang memberi kesan kepada perasaan selamat yang dialami oleh kanak-kanak ketika berada di prasekolah. Hasil kajian ini mungkin dapat membantu guru mempelajari dan mengimbangi keperluan emosi kanak-kanak dan keperluan pencapaian akademik supaya kanak-kanak rasa selamat secara emosinya dan berjaya dalam pembelajarannya disekolah.

Kajian ini juga membolehkan guru untuk memahami kehendak, perasaan dan emosi kanak-kanak. Ini kerana, perasaan atau emosi kanak-kanak boleh terganggu apabila dimarahi atau di tengking guru. Apabila kanak-kanak menunjukkan tingkah laku yang terganggu, ia menunjukkan kanak-kanak tersebut merasa tidak selamat berada di prasekolah. Ini boleh menyebabkan minat belajar kanak-kanak terjejas dan menjelaskan pencapaian akademiknya. Kanak-kanak yang mempunyai perapatan emosi (*emotional attachment*) yang baik dengan penjaganya atau gurunya akan membina hubungan sosial yang baik dengan rakan-rakan dan orang lain (Bowlby, 1969; 1973; 1980, dalam Mitchell-Copeland, Denham dan DeMulder, 1997). Maka adalah amat penting hubungan mesra dan akrab antara guru dan kanak-kanak disemai agar kanak-kanak merasa diterima dan mempunyai keyakinan diri ketika berada di prasekolah.

1.5 Tujuan kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan tahap perapatan yang wujud di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti pembelajaran dan aktiviti-aktiviti bukan pembelajaran seperti waktu makan/rehat dan sebagainya. Kajian ini cuba menentukan kekerapan guru memberi respons positif kepada kanak-kanak. Elemen kasih sayang dan keprihatinan guru akan dapat dilihat dan didengar daripada nada serta cara guru berinteraksi dengan kanak-kanak. Daripada analisis perapatan dan respons positif ini, pengkaji dapat menentukan sejauhmana tahap rasa selamat kanak-kanak di prasekolah. Rasa selamat ini dapat dilihat melalui memek muka, kontak mata, dan tingkah laku yang ditunjukkan semasa bertindak balas dan berinteraksi dengan guru. Kajian ini sangat penting untuk dikaji kerana hasilnya dapat membantu menambahbaik kaedah dan perlaksanaan pembelajaran demi meningkatkan pencapaian kanak-kanak dari segi emosi dan akademik di prasekolah.